

Headline	Elakkan pandemik dalam pandemik
MediaTitle	Utusan Malaysia
Date	26 Aug 2021
Page No	16
PR Value	RM 103,690



Elakkan pandemik dalam pandemik

UIAM BERHUAJAH
Oleh Dzulkifli Abdul Razak

PANDEMIK Covid-19 terus menganas kebelakangan ini apabila angka harian mangsa yang dijangkiti melebihi 20,000 kes untuk beberapa hari berturut-turut. Begitu juga jumlah yang meninggal dunia turut meningkat, melebihi 14,000 orang bagi rakyat kita, nombor terbanyak selepas Indonesia.

Angka-angka ini dijangka terus meningkat di seluruh dunia terutama di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat (AS), Britain, Jerman dan Portugal.

VARIAN DELTA

Ramai yang berasa aneh memandangkan negara-negara tersebut adalah antara yang teramat menerima suntikan vaksin Covid-19 secara besar-besaran berbanding negara membangun lain. Umumnya tidak sampai 10 peratus pun penduduk mereka menerima vaksin, sedangkan negara maju mencakup hampir 80 peratus. Namun, punca masalahnya agak berbeza, yakni berkaitan keberadaan satu lagi jenis virus Covid-19 dikenali sebagai varian Delta (DV).

Varian ini tercipta apabila virus Covid-19 asal dikatakan berusaha untuk mengelakkan daripada kesan suntikan yang dikenakan. Dalam hal ini, DV dijangka bersifat lebih lasak lagi apabila bertembung dengan suntikan sedia ada.

Makludunya, DV tidak banyak

terpengaruh oleh suntikan yang diberi dan sekali gus terus merebak dengan lebih cepat berbanding Covid-19 asal.

Dengan itu, lebih ramai pula yang akan terkesan dan kali ini tidak terhad kepada dewasa sahaja. Laporan seantero menunjukkan kanak-kanak umur belasan juga terjangkit dengan lebih mudah sedangkan bagi Covid-19 asal sebaliknya.

Kedudukan ini lebih menggusarkan kerana hampir keseluruhan penduduk kanak-kanak tidak mengalami suntikan anti-Covid-19 kerana



ANGKA kes harian baharu Covid-19 kira-kira 40,000 di Britain pada Julai lalu dijangka terus meningkat akibat tentangan sebahagian besar rakyatnya terhadap vaksin. - AFP

dikatakan kurang sesuai pada jangka usia agak muda. Oleh itu, mereka cukup terdedah kepada DV malah angka kanak-kanak terjangkit kini mula meningkat sedangkan bagi Covid-19 asal tidak begitu, yakni tiada peningkatan ketara.

Jelasnya risiko kanak-kanak adalah tinggi bagi DV, bahkan tiada bezanya kepada orang dewasa yang belum disuntik lagi. Angka di Britain, anggaran 40,000 kes pada Julai lalu, diikuti AS (2,579 kes) antara Julai hingga Ogos berlaku peningkatan. Kemungkinan besar angka ini akan terus meningkat akibat tentangan yang berlaku terhadap vaksin oleh sebahagian masyarakat mereka khususnya. Oleh itu, diramalkan akan berlaku apa yang dikenali sebagai "pandemik dalam pandemik" yakni perkembangan DV memadai antara Covid-19 terus terdedah kepada bahaya DV yang masih belum reda-reda setakat ini.

Ekoran itu, sasaran untuk mencapai imuniti atau kelalian kelompok menjadi lebih hambar mengikut pasaran oleh kerana faktor ganggu-gugik DV. Lazimnya imuniti kelompok dialami

“
Varian Delta (DV) dijangka bersifat lebih lasak lagi apabila bertembung dengan suntikan sedia ada.”

sebagai suatu penurunan jangkitan virus atau penyakit berkaitan apabila kelalian mencapai peratusan tinggi secara semula jadi atau sebaliknya.

Seandainya ini tercapai untuk Covid-19, tidak bermakna ia berlaku juga untuk DV yakni kelalian bagi kedua-duanya. Maka wabak DV masih tidak terkawal sepenuhnya dan kelompok yang disasarkan terus terdedah kepada bahaya DV termasuk maut.

DOS TAMBAHAN

Oleh demikian, pihak pembuat vaksin berpegas untuk mencipta suntikan baru khusus untuk DV sahaja atau menawarkan dos tambahan kepada suntikan

sedia ada. Malah cubaan ini sudah pun terbuka dan ada pihak tertentu - negara atau persatuan menguarakannya secara rasmi.

Pun begitu, jika ada suntikan khususnya DV sekali pun, hakikat yang masih ramai warganegara membangun masih belum mendapat suntikan Covid-19 asal tidak memberi apa-apa jaminan akan tercapaiinya apa-apa kelalian kelompok. Setakat ini, walaupun belum ada keputusan muktamad dalam hal tersebut, besar kemungkinan pandemik DV dalam pandemik Covid-19 terus membimbangkan semua pihak terutama golongan kanak-kanak.

Kesimpulan daripada kesemuanya ini adalah pandemik yang ada tidak akan reda dalam masa terdekat. Sebaliknya, mungkin ada satu lagi pandemik berlaku jika kawalan bagi kedua-duanya agak longgar dan tidak dipenuhi seketar mungkin. Begitu juga dengan program suntikan vaksin kepada warga masing-masing kalau pun ada bantuan kepada negara yang amat memerlukan. Ini adalah kerana golag sebahagian masyarakat yang enggan

patuh kepada peraturan dikenakan untuk melindungi semua.

Mereka mengusulkan lagi keadaan termasuklah kumpulan yang ingin mengharapkan penggunaan vaksin dan menyatahi status "harus" yang telah rata-rata diterima semua pihak berwajib sebagai fatwa rasmi.

Golongan guru yang menolak vaksin seperti dilaporkan baru-baru ini di selatan Semenanjung mestilah berlaku bertanggungjawab kerana mereka akan menggaulli para pelajar lambar lau. Dan mungkin menjadi perebab dan mengancam jiwa anak-anak muda tidak berdosis ini.

Apatah lagi dalam keadaan DV merebak dengan pesatnya tanpa sebarang hambatan untuk mengelakkan berlakunya tragedi pandemik dalam pandemik yang mengertikan. Dengan itu, amat wajar sekali setiap individu mengambil ikhtiar sewajarnya agar kita terus berwaspadai jua dalam memunaikan faru kifayah untuk *rahmatan il alamin*.

PROFESOR Emeritus Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak ialah Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Elakkan pandemik dalam pandemik

UIAM
BERHUAH

Oleh
Dzulkifli Abdul Razak

PANDEMIK Covid-19 terus mengganas kebelakangan ini apabila angka harian mangsa yang lijangkiti melebihi 20,000 kes untuk beberapa hari berturut-turut. Begitu juga jumlah yang meninggal dunia urut meningkat, melebihi 4,000 orang bagi rakyat kita, termasuk terbanyak selepas Indonesia.

Angka-angka ini dijangka akan meningkat di seluruh dunia terutama di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat (AS), Britain, Jerman dan Portugal.

VARIAN DELTA

Ramai yang berasa mungkin memandangkan negara-negara tersebut dalam antara yang teramat nenerima suntikan vaksin Covid-19 secara besar-besaran berbanding negara-negara lain. Umumnya tidak sampai 10 peratus pun menduduk mereka menerima vaksin, sedangkan negara-negara lain mencapai hampir 100 peratus. Namun, punca nasalahnya agak berbeza, akni berkaitan keberadaan atau lagi jenis virus Covid-19 yang belum dikenali sebagai varian Delta DV.

Varian ini tercipta apabila virus Covid-19 asal dikatakan berusaha untuk mengelakkan laripada kesan suntikan yang dikenakan. Dalam hal ini, DV dijangka bersifat lebih baik lagi apabila bertemu dengan suntikan sedia ada. Maka, DV tidak banyak berpengaruh oleh suntikan yang diberi dan sekali gus erus merebak dengan lebih cepat berbanding Covid-19 asal.

Dengan itu, lebih ramai juga yang akan terkesan dan ali ini tidak terhad kepada lewasa sahaja. Laporan kantero menunjukkan anak-anak umur belasan juga terjangkit dengan lebih mudah sedangkan bagi Covid-19 asal sebaliknya.

Kedudukan ini lebih menggusarkan kerana hampir keseluruhan penduduk anak-anak tidak mengalami suntikan anti-Covid-19 kerana



ANGKA kes harian baharu Covid-19 kira-kira 40,000 di Britain pada Julai lalu dijangka terus meningkat akibat tentangan sebahagian besar rakyatnya terhadap vaksin. - AFP

dikatakan kurang sesuai pada jangka usia agak muda. Oleh itu, mereka cukup terdedah kepada DV malah angka kanak-kanak terjangkit kini mula meningkat sedangkan bagi Covid-19 asal tidak begitu, yakni tiada peningkatan ketara.

Jelas, risiko kanak-kanak adalah tinggi bagi DV, bahkan tiada bezanya kepada orang dewasa yang belum disuntik lagi. Angka di Britain, anggaran 40,000 kes pada Julai lalu, diikuti AS (2,579 kes) antara Julai hingga Ogos berlaku peningkatan. Kemungkinan besar angka ini akan terus meningkat akibat tentangan yang berlaku terhadap vaksin oleh sebahagian masyarakat mereka khususnya. Oleh itu, diramalkan akan berlaku apa yang dikenali sebagai 'pandemik dalam pandemik' yakni perkembangan DV memadai antara Covid-19 yang masih belum reda-reda setakat ini.

Ekoran itu, sasarannya untuk mencapai imuniti atau kelalian kelompok menjadi lebih hambar mengikut pasaran oleh kerana faktor ganggu-gugat DV. Lazimnya imuniti kelompok dialami

“
Varian Delta (DV)
dijangka bersifat
lebih lasak lagi
apabila bertemu
dengan suntikan
sedia ada.”

sebagai suatu penurunan jangkitan virus atau penyakit berkaitan apabila kelalian mencapai peratusan tinggi secara semula jadi atau sebaliknya.

Seandainya ini tercapai untuk Covid-19, tidak bermakna ia berlaku juga untuk DV yakni kelalian bagi kedua-duanya. Maka wabak DV masih tidak terkawal sepenuhnya dan kelompok yang disasarkan terus terdedah kepada bahaya DV termasuk maut.

DOS TAMBAHAN
Oleh demikian, pihak pembuat vaksin bergegas untuk mencipta suntikan baharu khusus untuk DV sahaja atau menawarkan dos tambahan kepada suntikan

sedia ada. Malah cubaan ini sudah pun terbuka dan ada pihak tertentu - negara atau persatuan menguar-uarkannya secara rasmi.

Pun begitu, jika ada suntikan khususnya DV sekali pun, hakikat yang masih ramai warganegara membangun masih belum mendapat suntikan Covid-19 asal tidak memberi apa-apa jaminan akan tercapainya apa-apa kelalian kelompok. Setakat ini, walaupun belum ada keputusan muktamad dalam hal tersebut, besar kemungkinan pandemik DV dalam pandemik Covid-19 terus membimbangkan semua pihak terutama golongan kanak-kanak.

Kesimpulan daripada kesesuaian ini adalah pandemik yang ada tidak akan reda dalam masa terdekat. Sebaliknya, mungkin ada satu lagi pandemik berlaku jika kawalan bagi kedua-duanya agak longgar dan tidak dipenuhi seketar mungkin. Begitu juga dengan program suntikan vaksin kepada warga masing-masing kalaupun ada bantuan kepada negara yang amat memerlukan. Ini adalah kerana gelagat sebahagian masyarakat yang enggan

patuh kepada peraturan dikenakan untuk melindungi semua.

Mereka mengusulkan lagi keadaan termasuklah kumpulan yang ingin mengharamkan penggunaan vaksin dan menyalahi status 'harus' yang telah rata-rata diterima semua pihak berwajah sebagai fatwa rasmi.

Golongan guru yang menolak vaksin seperti dilaporkan baru-baru ini di selatan Semenanjung mesti berasa lebih bertanggungjawab kerana mereka akan mengga para pelajar lambat laun. Dan mungkin menjadi perekah da mengancam jiwa anak-anak muda tidak berdos ini.

Apatah lagi dalam keadaan DV merebak dengan pesatnya tanpa sebarang hambatan untuk mengelakkan berlakunya tragedi pandemik dalam pandemik yang mengertikan. Dengan itu, am wajar sekali setiap individu mengambil iktitib sewajarnya agar kita terus berwaspada jua dalam menunaikan fardhu kifayah untuk *rahmatan lil alamin*.

PROFESOR Emeritus Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak ialah Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)